

'Saya berani junjung al-Quran tidak pecat Tun Salleh'

SINAR HARIAN

3 JANUARI 2018

NOOR AZURA SAHRIL

PUTRAJAYA - [VIDEO] Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sanggup bersumpah menjunjung al-Quran bagi membuktikan beliau tidak terlibat dengan krisis kehakiman 1988 yang menyaksikan pemecatan Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abbas.

Menurut Mahathir, Peguam Negara ketika itu Tan Sri Abu Talib Othman menggunakan nama beliau untuk melindungi nama baik Yang di-Pertuan Agong ketika itu, Sultan Iskandar Sultan Ismail susulan pemecatan tersebut.

“Peristiwa pemecatan Salleh bukan kerana saya. Malangnya untuk menyelamatkan nama Yang di-Pertuan Agong, peguam negara pada masa itu guna nama saya konon saya suruh.

“Saya tidak campur tangan langsung kemudian baru saya tahu konon dia (peguam negara) kata saya suruh. Saya berani junjung al-Quran masuk dalam masjid dan bersumpah bahawa saya tidak suruh,” katanya pada sidang media sempena pelancaran Harapan Baru: ‘Policy Talk’ di Yayasan Kepimpinan Perdana, di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Mahathir tidak menolak kemungkinan tindakan Salleh menghantar surat aduan kepada Yang di-Pertuan Agong ekoran rasa tidak puas hati bunyi bising susulan kerja ubah suai kediaman peribadi baginda menjadi rentetan kepada pemecatannya.

“Surat Salleh kepada Yang di-Pertuan Agong juga dihantar kepada semua raja-raja, baginda amat murka dan minta saya buang Salleh. Saya kata tidak boleh, kalau nak buang kena guna tribunal. Yang di-Pertuan Agong kata buat tribunal, saya hanya buat apa baginda iktiraf, saya sendiri tidak boleh buat.

“Salleh menghantar surat aduan kepada Yang di-Pertuan Agong berikutan rumahnya berhampiran rumah persendirian baginda. Pada masa itu ada penambahbaikan di rumah Yang di-Pertuan Agong, akibat bunyi bising jadi Salleh tulis surat kepada baginda untuk hentikan bising,” katanya.

Pada 1988, Salleh dihadapkan ke tribunal kehakiman sebelum dipecat atas dakwaan salah laku.

Lima hakim Mahkamah Agung yang membenarkan perintah interim terhadap tribunal itu sama ada dipecat atau digantung.

Mahathir dilapor mempersalahkan Almarhum Sultan Iskandar Ismail kerana menggunakannya apabila Seri Paduka dikatakan murka dengan Salleh yang membuat aduan mengenai bunyi bising akibat kerja-kerja pengubahsuaian dari kediaman Sultan Johor itu.

© 2017 All Rights Reserved •Karangkraf Group Media • © 2017 Hakcipta Terpelihara • Kumpulan Media Karangkraf

Source: <http://www.sinarharian.com.my/nasional/saya-berani-junjung-al-quran-tidak-pecat-tun-salleh-1.778436>